

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JAN 2015

Perdana Menteri adakan lawatan kerja tiga hari ke United Kingdom

Um - 25/1/2015

LONDON 24 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak akan melawat projek ikonik Stesen Jana Kuasa Battersea (BPS) milik Malaysia bernilai 8 bilion (RM43.21 bilion) dan merasmikan Pusat Sains Razak di Kolej Malvern di Worcestershire sempena lawatan kerja tiga hari ke United Kingdom bermula Sabtu.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom, Datuk Ahmad Rashidi Hazizi berkata Perdana Menteri dijadual tiba di sini kira-kira pukul 3 petang waktu tempatan (11 pagi waktu Malaysia), Sabtu.

Najib akan tiba di sini dari Riyadh selepas menghadiri pengebumian Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz, yang mangkat Jumaat.

Semasa lawatan Najib ke projek BPS, beliau akan memantau perkembangan projek di tapak seluas 15.78 hektar khusus Dataran Malaysia, kata Ahmad Rashidi.

Reka bentuk untuk Dataran Malaysia berpusat pada kanyon dua peringkat dengan jambatan bersepadu dan tangga yang diilhamkan oleh landskap dan geologi Malaysia.

Di bahagian tengah dataran tersebut akan dibina sebuah air pancut berinspirasi 'Bunga Raya' yang setiap kelopaknya melambangkan lima prinsip Rukun Negara.

Dataran Malaysia di BPS akan dihubungkan ke bahagian pintu masuk selatan Stesen Jana Kuasa yang dipulihkan dan pada bahagian atasnya dibina jalan baharu, Electric Boulevard.

Projek ikonik itu dibangunkan konsortium usaha sama Malaysia dianggotai oleh syarikat SP Setia, Sime Darby Bhd. dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan SP Setia dan Sime Darby masing-masing mempunyai pegangan sebanyak 40 peratus dan baki 20 peratus dimiliki KWSP.

Konsortium berkenaan membeli hartanah bekas stesen jana kuasa arang batu itu pada 2012 dengan harga 400 juta (RM2.2 bilion).

Projek hartanah terbesar Malaysia di luar negara itu menjangkau tujuh fasa sehingga 2024 dengan terdiri daripada pembinaan 4,000 unit rumah, lebih 250 unit kedai, kafe dan restoran, hotel serta ruang pejabat.

Fasa pertama bernilai 790 juta (RM4.3 bilion) dilancarkan pada

2012 dengan pembinaan lebih 800 unit kediaman dan dijangka siap pada pertengahan tahun depan.

Fasa kedua akan bermula Mac ini termasuk pemulihan semula stesen jana kuasa, unit kediaman dan ruang pejabat komersial.

Fasa ketiga, yang dilancarkan pada lewat tahun lepas, merangkumi 1,200 unit kediaman yang direka bentuk oleh dua arkitek tersohor dunia, ruang peruncitan dan restoran.

BPS telah memperoleh aturan pembiayaan berjumlah 1.35 bilion (RM7.4 bilion) untuk kedua-dua projek Fasa 2 dan 3.

Ahmad Rashidi berkata BPS adalah sangat signifikan kerana melibatkan syarikat-syarikat Malaysia serta melambangkan hubungan baik antara kedua-dua kerajaan kerana Malaysia telah memenangi tawaran untuk projek berkenaan.

Selain itu, ia juga mendapat sokongan kerajaan Britain yang sedang membina laluan bawah tanah di bahagian utara untuk memudahkan projek tersebut.

Pada Isnin, Najib akan melawat bekas kolejnya - Kolej Malvern di Worcestershire - bagi merasmikan Pusat Sains Razak di kolej berkenaan.

Pusat berkenaan mempunyai 18 buah makmal canggih termasuk makmal pameran dan bilik persediaan tambahan.

"Pusat itu dibiayai oleh seorang warga Malaysia yang hanya mahu dikenali sebagai hamba Allah," kata Ahmad Rashidi, yang menambah orang tersebut enggan mendedah jumlah nilai pembiayaan tersebut.

Najib mengikuti pengajian di kolej itu dari tahun 1968 hingga 1971 dan adiknya, Datuk Johari turut menghadiri kolej itu pada lewat tahun 60-an dan awal 70-an.

Kolej berasrama penuh itu ditubuhkan pada 1865 serta merupakan salah sebuah sekolah bebas yang terkemuka di United Kingdom.

"Kolej itu begitu bangga dengan Perdana Menteri yang merupakan bekas pelajar mereka dan telah memberi penghormatan kepada Perdana Menteri untuk merasmikan pusat itu sempena namanya (dalam budaya British, Najib dikenali sebagai Mr. Razak ketika itu)," kata Ahmad Rashidi. - BERNAMA